

BAB IV

PENUTUP

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membuat pengamatan *maṣlahah* terutamanya dalam konteks menangani keperluan masa kini di Malaysia. Perbahasan ini akan memaparkan suatu gambaran sejauh mana pentingnya kaedah *maṣlahah* ini dalam usaha pembaharuan hukum Islam kini.

Adalah menjadi hasrat penulis untuk menampilkan sesuatu yang tidak sahaja bersifat akademik tetapi juga *real* dalam dunia pengajian syariah Islam supaya kekurangan yang ada dapat diatasi. Biarpun begitu pengamatan ini tidaklah dianggap mutlak sehingga memperkecilkkan keputusan fatwa yang telah dikeluarkan dan jauh dari mempertikaikannya, akan tetapi sekadar cetusan minda berdasarkan sedikit pengamatan terhadapnya.

4.2 RUMUSAN

4.2.1 KEDUDUKAN *MAṢLAHAH* DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Period keemasan hukum Islam telah berlangsung selama 250 tahun iaitu sejak awal abad ke dua sampai pertengahan abad keempat Hijrah. Lahirnya ramai para *mujtahid* terkenal terutamanya Imam-imam madhhab yang empat iaitu Imām Abū Hanīfah, Imām Mālik, Imām Syafī‘ī dan Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal. Setelah period

tersebut hukum Islam telah mengalami era taqlid dan kebekuan ijihad, malah menutup pintu ijihad sama sekali. Dalam era ini hukum fiqh Islam secara umumnya diamalkan berdasarkan rumusan-rumusan madhhab-madhhab yang empat. Majlis Fatwa Kebangsaan pada dasarnya, juga tidak terlepas dari senario ini. Ini berdasarkan kepada beberapa keputusan fatwa yang masih bersandarkan kepada hasil ijihad Imam Madhhab yang empat.

Jelaslah bahawa hukum fiqh yang menjadi rujukan umat Islam di Malaysia sekarang ini pada umumnya adalah hukum fiqh hasil ijihad ulamak-ulamak zaman keemasan Islam yang telah menjangkau usia berabad-abad lamanya, dan di dalam tempoh tersebut masyarakat telah mengalami berbagai perubahan lingkungan dan keadaan. Perubahan-perubahan ini pastinya mendorong kepada berlakunya perbezaan dari sudut pandangan mahupun fatwa dari kalangan ulamak. Perbezaan *qawl qadīm* (pendapat lama) al-Syafī'ī ketika berada di Iraq dengan *qawl jadīd* (pendapat baru)nya ketika beliau berada di Mesir merupakan contoh terdekat bagaimana hukum Islam harus berubah sesuai dengan keadaan dan lingkungan masyarakat juga menjadi tapak pengembangan kepada madhhab beliau¹.

Meneliti kepada senario perkembangan hukum Islam kini, membayangkan suatu tugas dan peranan ulamak terutama mufti dalam menghadapi alaf baru yang lebih mencabar dan hebat melalui kebijaksanaan yang

¹ Muhammad Abū Zahrah (1978M), *As-Syāfi'i*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī hlm. 25; al-Qalyūbi, Syihāb al-Dīn dan 'Umairah (1957M), et.al, *Qalyūbi Wa 'Umairah*, Jld.1, Mesir: Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyah 'Isā al-Babī al-Ḥalabī, hlm. 270.

tinggi serta memberi imej yang baik sehingga mereka terus dihormati dan disegani. Usaha bagi memastikan hukum Islam terus berkembang dan terus kekal dengan sifatnya yang *elastic* atau berkembang mengikut perkembangan masyarakat memerlukan kepada kumpulan ulamak yang berwibawa serta berkerjasama dalam setiap usaha keilmuan Islam dan secara tak langsung mampu membentuk *mujtahid* mutlak yang menguasai semua ilmu serta bidang dan sekaligus menolak tanggapan bahawa Islam adalah agama yang bersifat *static* atau tidak berkembang. Tidak berkembang kerana dianggap terkongkong dengan hasil ijтиhad ulamak silam dan tulisan-tulisan ulamak-ulamak *mujtahid* juga tidak hanya berpuas hati dengan hasil ijтиhad yang sedia ada tanpa ada rasa untuk memperbarahuinya.

Syariah Islam seperti yang dimaklumi mempunyai doktrin-doktrin yang tetap, tidak berubah meskipun zaman dan masa berubah. Namun begitu dari segi aplikasinya, syariah boleh menerima perubahan. Ini selaras dengan kaedah fiqh, “hukum berubah akibat berubahnya masa, tempat dan suasana”. Susulan dari itu, para ulama’ menyimpulkan bahawa di antara asas-asas umum perundangan Islam ialah:²

- a. Tiada kesukaran atau kesukaran diatas
- b. Meraikan kemaslahatan orang ramai
- c. Merealisasikan keadilan.

² Muḥammad Yūsuf Müsā (1961M), *al-Madkhāl li Dirāsah al-Fiqh al-Islāmī*, Cet. 2, Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī, hlm. 127.

4.2.2 KEDUDUKAN *MAŞLAHAH* DALAM JAWATANKUASA FATWA KEBANGSAAN

Islam sekali-kali tidak mengekang kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi. Islam menganjurkan dan menghubungkan kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi ke arah kebaikan dan kemaslahatan umat manusia itu sendiri. Sudah menjadi *sunnah* Allah s.w.t. di alam ini bahawa setiap yang baru itu akan mengalami proses perubahan, dan perkembangan baru ini secara langsung akan dipengaruhi oleh kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi.

Bagi mendasari setiap perubahan-perubahan yang terjadi ini, Islam telah mempromosikan prinsip-prinsip dan nilai-nilai asas yang mampu digarap dan ditafsirkan lalu dikembangkan agar selalu dapat menjawab permasalahan hidup manusia yang makin bertambah dan kompleks bagi menjamin kesejahteraan dan kemaslahatan hidup manusia sentiasa. Jadi ilmu pengetahuan dan teknologi yang memberi manfaat bagi umat manusia apabila dilihat dari persepsi syariat akan dilihat sebagai *maşlahah*, dan *maşlahah* itu merupakan tujuan syariat (*maqāṣid al-syari‘ah*)⁵.

Kehadiran dunia baru yang bertunjangkan kepada kemajuan ilmu dan teknologi moden membangkitkan keperihatinan yang serius dalam Islam.

⁵ Abū Ishaq al- Syātibī (1399H/1979M), *al-Muwāfaqāt*, Jld. 2, Lubnān: Dār al-Ma‘rifah, hlm. 2.

Rangsangan ini bersandarkan kepada sifat Islam itu sendiri yang menuntut umatnya menimba ilmu pengetahuan dan menguasai teknologi selama tidak menjangkaui batas-batas yang digariskan oleh syarak

Sikap prihatin terhadap perkembangan ilmu dan teknologi itu, Islam telah meletakkan perkembangan ini pada kedudukannya yang terhormat dan mengambil sikap proaktif mempertimbangkan setiap perkembangan baru ini melalui penetapan hukum-hukum semasa.

Melalui tinjauan penulis terhadap hukum pemindahan organ yang telah dimuzakarahkan oleh Jawatankuasa Fatwa pada Oktober 1970, Jun 1970 dan Februari 1973 (*Lihat Lampiran D*) umpamanya. Perbincangan telah menempuh beberapa pusingan untuk menghasilkan hukum yang mampu menyeimbangkan arus perkembangan ini dengan prinsip-prinsip yang dipegang oleh Islam. Islam memuliakan dan menghormati manusia bermula dari hari kelahirannya sehingga hari kematianya, dan jasad manusia itu merupakan anugerah Allah s.w.t kepada manusia agar dapat dimanfaatkan untuk melakukan pengabdian kepadaNya. Melihat kepada matlamat penciptaannya, Islam telah mengambil sikap mempertahankan pencerobohan terhadap anggota badan manusia biarpun sudah meninggal dunia⁴. Pendirian ini diambil berdasarkan beberapa pernyataan oleh Baginda s.a.w. seperti:

⁴ Nūr al-Dīn ‘Aṭṭār (1974M-1975M), *Dirāsah Taqbiyyah Fī al-Hadīth al-Nabawī*, Kaherah: Maṭba’ah Dār al-Kitāb, hlm. 103

عن عائشة رضي الله عنها أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: كسر عظم البت
ككسره حياء.

- أخرجه ابو داود

Terjemahannya:

“ Dari Aisyah r.a., sesungguhnya Rasulullah s.a.w. bersabda: “memecahkan tulang orang mati sama hukumnya dengan memecahkan tulangnya ketika ia hidup”.⁵

Hasil dari kemajuan teknologi dan penemuan-penemuan terkini di dalam bidang kedoktoran, hari ini kaedah pemindahan organ telah dianggap sebagai langkah penyelamat terbaik. Menyedari fenomena perkembangan ini adakah Islam harus mengambil sikap berdiam diri dan membisu?. Persoalannya juga, adakah perkembangan ini boleh diberi pertimbangan hukum? Adakah *maṣlahah taḥṣīniyyah* harus dipertahankan sehingga *maṣlahah ḥājiyyah*, atau *darūriyyah* lenyap. Adakah tindakan menghalang pemindahan organ ini lebih utama dari memelihara kepentingan lain yang lebih besar iaitu kemaslahatan orang yang masih hidup yang amat memerlukannya?

Dalam misi dan usaha mencapai tujuan atau matlamat syariat, hukum yang telah diputuskan boleh berubah sesuai dengan keadaan dan perkembangan masyarakat. Langkah ini bagi memastikan segala matlamat syariat mampu dicapai serta memenuhi kehendak dan tujuan syarak iaitu *al-maṣlahah* (kemaslahatan), setiap yang memiliki *maṣlahah* di situlah hukum Allah s.a.w.⁶

⁵ Sunan Abū Daūd (1354H), jld. 3, Kaherah: Maṭba'ah Muṣṭafā Muḥammad, hlm. 2112.

⁶ 'Abd al-Wahhāb Khallāf (t.t), *al-Syar'iyyah wa Nizām al-Dawlah al-Islāmiyyah Fi al-Syu'un al-Dustūriyyah wa al-Kharājīyyah wa al-Māliyyah*, Kaherah: Dār al-Anṣār, hlm. 8.

Pertimbangan hukum ialah perubahan-perubahan yang terjadi dalam masyarakat yang mempunyai kaitan dengan ketentuan hukum yang perlu mendapat pertimbangan khusus supaya keputusan yang dibuat akan lebih efekif dan tujuannya memenuhi prinsip-prinsip dan nilai asas ajaran Islam. Jadi pembaharuan hukum Islam pada hakikatnya adalah usaha menetapkan hukum yang mampu menjawab permasalahan dan perkembangan baru yang di manipulasikan oleh kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi agar mampu merealisasikan tujuan syari'at dan memenuhi *maṣlahah* manusia yang merupakan tujuan syariat berdasarkan kepada prinsip-prinsip dan dasar yang dibawa oleh *al-Qur'an* dan *al-Hadīth*.

Persoalannya, mengapa pembaharuan yang dilakukan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan harus melalui pendekatan *maṣlahah*? Sedangkan tema utama pembicaraan mengenai pembaharuan hukum Islam adalah kembali kepada *al-Qur'an* dan *al-Hadīth*. Sebagai jawapan kepada persoalan di atas, harus dingat bahawa *maṣlahah* digunakan dalam rangka menetapkan hukum terhadap masalah yang tiada nasnya dalam *al-Qur'an* dan *al-Hadīth*. Apabila kaedah *qiyās* gagal untuk merealisasikan *maṣlahah* umat dan mencapai *maqāsid al-syariah* yang ingin dipelihara oleh syariat Islam, maka *maṣlahah* akan menjadi alternatif kepada para mujtahid dalam penentuan hukum.

Kenyataan Baginda s.a.w. berbunyi⁷:

مَنْ أَحَدَ الْمُسْلِمُونَ حَسِنًا فَهُوَ عَنِ اللَّهِ حَسِنٌ.

Terjemahannya:

“Apa yang dipandang baik oleh kaum muslimin, maka hal itu juga baik di sisi Allah s.w.t”.

Penentuan hukum menggunakan kaedah *maṣlahah* dapat merombak hukum lama yang ditetapkan dengan *qiyās*. Penentuan hukum melalui kaedah *maṣlahah* merupakan suatu metod *istinbaṭ* hukum yang sangat relevan dengan pembaharuan hukum Islam.

Umpamanya, apabila seseorang mewakafkan sepetak sawah, maka menurut *qiyās*, tidak termasuk padanya hak mengairkan air (hak pengairan) dan hak melaluinya kecuali telah disebut secara khusus di dalam akad penyerahannya. Para mujtahid telah berpaling dari ketentuan hukum *qiyās* kepada hukum yang menggunakan kaedah *maṣlahah*, iaitu mengambil kira hak pengairan dan hak melalui petak sawah meskipun tidak dinyatakan di dalam akad penyerahan. Matlamat yang ingin dicapai melalui wakaf ini ialah memberi manfaat kepada penerima wakaf. Sawah tidak mungkin dapat dimanfaatkan tanpa hak pengairan dan hak melaluinya. Maka hak-hak itu termasuk dalam wakaf biar pun tidak disebutkan di dalam akad⁸.

⁷ Ahmad Ibn Ḥanbal, *Musnad Ahmad Ibn Ḥanbal*, Kaherah: Dār Ṣādīr, hlm. 379

⁸ Abd al-Wahhāb Khallāf (t.t), ‘*Ilm Uṣūl al-Fiqh*, cet.8, Kaherah: Maktabah al-Da’wah al-Islāmiyyah, hlm. 80.

Pembaharuan yang bersandarkan kepada maṣlahah kelihatan lebih memenuhi kriteria kepentingan umat dan mengatur seluruh perbuatan hukum umat dengan ketentuan hukum yang dikembangkan dari ajaran-ajaran dan prinsip-prinsip yang dibawa oleh *al-Qur'ān* dan *al-Hadīth* untuk kebahagian manusia dunia dan akhirat.

4.2.3 KEUTAMAAN PENGHAYATAN PRINSIP MAṢLAHAH

Prinsip muamalah Islam adalah bertujuan untuk mengelakkan beberapa larangan seperti yang difahamkan daripada fiqh Islam terutama larangan *riba* dan *gharar* (ketidak tentuan). Melalui pemahaman terhadap fiqh Islam mekanisma undang-undang dapat dibentuk bagi tujuan untuk mengelakkan sesuatu larangan fiqh Islam secara *zāhiriyah*.

Sesuatu yang menarik untuk diperhatikan di dalam perbincangan ahli muzakarah fatwa ialah kedapatan pandangan-pandangan yang diutarakan mengambil pendekatan kepada hukum-hukum tertentu yang didasarkan kepada kaedah fiqh Islam sedangkan prinsip maṣlahah boleh dipraktikkan.

Dasar falsafah perundangan Islam yang paling utama ialah *maṣlahah*, iaitu kepentingan umat Islam dan dasar ini dibuktikan dengan jelas oleh *al-Qur'ān* dan *al-Sunnah*⁹.

⁹ Abd al-Karīm Zaidān (1987M), *al-Wajīz Fī Uṣūl al-Fiqh*, cet. 2, Baghdād: Muassasah al-Risālah, hlm. 237.

Bagi membincangkan penghayatan terhadap prinsip maṣlahah , penulis telah memilih kes Insurans yang telah dibincangkan sebanyak empat pusingan iaitu pada tahun 1970, Jan 1971, September 1971 dan tahun 1979 oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran N*).

Insuran ialah perjanjian tanggungan yang dilakukan oleh sebuah syarikat untuk mengantikan kerugian yang ditanggung oleh seseorang dengan bayaran premium yang tertentu.

Perbincangan mengenai aktiviti insurans ini, mengundang pelbagai pandangan daripada ahli muzakarah. Ada pandangan yang membezakan antara insurans am dan insurans nyawa kerana sistem peroperasian yang berbeza. Bagi pandangan yang mengharamkan insurans nyawa ini, mereka menganggap perkhidmatannya mengandungi tujuan pembiakan bayaran melalui premiumnya yang dianggap riba. Ada juga pandangan yang mengharuskannya kerana konsep tolong menolong dan kerjasama antara kaum berdasarkan kepada kaedah;

لا ضرر ولا ضرار

Maksudnya:

“ Tidak boleh membahayakan diri sendiri atau pun membahayakan orang lain”

Pendapat lain juga ada menyebut mengenainya berdasarkan kepada kaedah yang lain iaitu;

درأ المفاسد أولى من حلب المصالح

Maksudnya:

“ Menolak keroskan lebih utama dari mendatangkan kebaikan”

Begitu juga pandangan yang menyatakan bahawa insurans yang dibuat dengan sendiri (tanpa ada sebab yang munasabah) tidak harus kerana riba, akan tetapi insurans dalam keadaan terpaksa yang terkandung dalam kegiatan seseorang seperti menaiki kapal terbang adalah harus kerana terdedah dengan berbagai risiko atau “ *'umūm balwā'* ”.

Bagi mereka yang menentang sama sekali perlaksaan insurans ini beralasan dengan hujah seperti berikut;

- a) Insuran mengandungi unsur riba
- b) Kesan mudaratnya adalah lebih besar daripada manfaat
- c) Perlaksanaannya bertentangan dengan prinsip yang terdapat dalam muamalah Islam, kerana operasinya mengandungi unsur riba (*gharar* (ketidak tentuan) dan judi)

Hasil dari beberapa sesi pertemuan yang telah diadakan iaitu pada 1-2 Oktober 1970, 21-22 Jan 1971 dan 8-9 September 1971 dan yang terakhir pada persidangan ulamak Malaysia kali ke 16 pada 15-16 Februari 1979 menampakkan keputusan yang lebih cenderung kepada pengharamannya apabila dilihat dari sudut pandangan yang terbanyak.

4.2.4 PENGARUH PRINSIP LAIN SELAIN MAŞLAHAH DALAM FATWA

Sukar untuk memastikan pengaruh prinsip-prinsip lain selain dari prinsip maşlahah dalam penentuan hukum dalam muzakarah yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan. Kesulitan ini menurut pengamatan penulis lebih dipengaruhi oleh dokumen-dokumen perbincangan tidak kesemuanya mencatatkan keterangan mengenai sumber yang diperolehi secara terperinci. Meskipun begitu penulis merasakan pengaruh qiyas juga mempunyai peranan yang banyak dalam muzakarah yang telah diadakan di samping pandangan ulamak madhhab.

Ini dapat dilihat melalui beberapa keputusan yang dibuat seperti kes Penggunaan “*Electrical Stunning*” Dalam Penyembelihan Lembu yang telah dibincangkan pada tahun 1988 oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan sebagai landasan pembuktian kajian (*Lihat Lampiran O*).

“*Electrical Stunning*” ialah sejenis alat pelalian dengan kadar 400v ke atas binatang seperti lembu dan 150v untuk kambing. Alat ini menggunakan kuasa elektrik untuk melalikan binatang sebelum disembelih.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa menganggap bahawa kaedah “*electrical stunning*” masih memenuhi tujuan penyembelihan yang dikehendaki oleh Islam iaitu mematikan binatang dengan cara yang baik dan memberi rahmat kepada binatang melalui penyembelihan dengan menggunakan alat yang tajam. Melalui

kaedah penyembelihan ini, binatang akan dapat mati dengan segera akibat pengeluaran darah yang cepat dan menyukarkan pernafasan binatang yang disembelih.

Meskipun kaedah “*electrical stunning*” memenuhi tuntutan ehsan di dalam sembelihan dan ketentuan hayat *mustaqirrah* di dalam sembelihan sepetimana *qiyās* kepada sembelihan yang digariskan oleh Islam, namun *qiyasan* ini masih dipertikaikan oleh kalangan ulamak.

4.3 KRITIKAN DAN CADANGAN

Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pengamalan maslahah dalam sesuatu hukum telah membantu para ulamak terutama sekali mufti menyelesaikan banyak persoalan hukum semasa di era kemajuan ini. Penulis menganggap bahawa Ahli muzakarah Majlis Fatwa telah melaksanakan amanah yang diberikan terhadap mereka dengan penuh tanggungjawab. Persoalannya mengapa ada segelintir masyarakat terutama ahli politik yang sanggup membelakangkan mereka sehingga keputusan hukum yang telah dikeluarkan oleh muzakarah ini tidak dikuat kuasakan dalam masyarakat.

Sering kedengaran tanggapan negatif yang dilemparkan kepada badan fatwa ini seolah-olah mereka hanya melihat dan membisu terhadap kemungkaran yang berlaku di hadapan mereka, sedangkan analisa yang dilakukan oleh penulis terhadap hukum fatwa ini jelas membuktikan keperihatinan mereka terhadap

masalah masyarakat, sehingga di dalam sesetengah kes itu terpaksa melalui beberapa pusingan perbincangan.

Ahli masyarakat terutama ahli politik harus akur dengan setiap keputusan yang dilakukan oleh muzakarah fatwa ini dan tidak hanya memikirkan kepentingan segelintir masyarakat sahaja sehingga larangan Tuhan diabaikan.

Di dalam kes wang faedah contohnya (*Lihat lampiran L*), para ulamak telah sebulat suara mengharamkan pengambilannya untuk keperluan peribadi dan yang dibenarkan sekiranya dimanfaatkan untuk keperluan masyarakat atau diserahkan kepada *bait al-Māl*. Apa yang menyedihkan ialah kenyataan mengenai fatwa ini jauh dari pengetahuan masyarakat sehingga seolah-olah tidak ada fatwa mengenainya dikeluarkan.

Begitu juga hal dengan pengharaman insuran nyawa (*Lihat lampiran N*), sehingga kini pelaburan di dalam insuran ini telah menjadi tidak asing lagi di dalam masyarakat Malaysia. Sikap tidak mengambil berat terhadap keputusan fatwa ini sudah pasti menyumbang kepada hilangnya kredibiliti badan fatwa ini dan dalam masa yang sama ahli politik sendiri akan berfatwa berasaskan kepada emosi mereka tanpa ada sandaran ilmu.

Dari hasil pemerhatian penulis terhadap beberapa keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan pengaruh prinsip maṣlahah dalam setiap keputusan yang dikeluarkan, di bawah ini diperturunkan beberapa saranan terhadap kredibiliti fatwa, iaitu:

- a) Majlis Fatwa Kebangsaan harus memiliki dan diberikan autoriti yang besar supaya peranannya dalam perbincangan fatwa akan lebih telus dan diberi perhatian.
- b) Hasil dari fatwa yang telah diputuskan hendaklah disebarluaskan secara meluas melalui beberapa kaedah penyebaran seperti mendokumentasikannya di dalam sebuah buku untuk rujukan.
- c) Jawatankuasa Fatwa perlu memberi penerangan terhadap fatwa yang telah diputuskan secara terbuka dengan memberi hujah-hujah yang menyokong terhadap fatwa melalui sidang akhbar atau penyiaran buletin.
- d) Pihak Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan negeri hendaklah menentukan isu-isu yang penting untuk dibincangkan tanpa bergantung kepada permintaan orang ramai melalui surat atau isu oleh pihak tertentu
- e) Mengadakan banyak aktiviti seminar dan forum dengan seluruh cendikiawan Islam samada dalam maupun luar negara bagi menghasilkan penyelarasan hukum serta kerjasama yang baik bagi memastikan wujudnya pertukaran pandangan dengan ulama' muktabar.
- f) Perlu mempunyai badan penyelidik yang berperanan untuk mengesan permasalahan di dalam masyarakat dan menentukan beberapa perkara yang besar untuk diutarakan sebagai bahan perbincangan di kalangan ilmuan dan ulama' tanpa mengira perbezaan fahaman politik dan ideologi.